

# \$350j subsidi tol kepada penduduk Kuala Lumpur – PM

SHAH ALAM 12 Ogos – Kerajaan akan membelanjakan \$350 juta sebagai subsidi kepada penduduk Kuala Lumpur dengan menyalurkan wang itu kepada pihak yang akan mengendalikan plaza tol di ibu negara.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peruntukan itu sebagai membantu pihak yang akan mengendalikan tol tersebut mendapatkan semula pendapatan daripada pembangunan yang telah mereka lakukan.

“Sehubungan itu kita mengingatkan orang - orang yang suka menyucuk orang lain supaya membantah pelaksanaan tol itu, mengingat sama subsidi yang kerajaan berikan untuk lalulintas di Kuala Lumpur,” katanya kepada para pemberita selepas majlis Penganugerahan Tangan Emas Pertandingan Johan Kemahiran 1991 di sini hari ini.

Sehubungan itu beliau mengingatkan penduduk di sekitar bandaraya bahawa kerajaan memberikan bantuan yang cukup banyak

untuk kepentingan mereka.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan kerajaan terhadap pengenaan bayaran tol di Cheras dan Jalan Pahang.

Beliau berkata, kadar baru tol Cheras yang sekarang ini dihentikan sementara operasinya akan diumumkan oleh Menteri Kerja Raya, Dato' Leo Mogie esok termasuk tarikh ia akan dikuatkuasakan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan boleh tidak memberi sebarang bantuan tetapi penduduk Kuala Lumpur akan menghadapi masalah kesesakan lalulintas yang berterusan.

“Sekiranya langkah itu yang diambil oleh kerajaan maka rakyat boleh memiliki kereta tetapi tidak dapat menggunakannya kerana kesesakan jalan raya sentiasa berlaku,” ujar beliau.

Beliau juga menegaskan, penduduk sekitar ibu negara perlulah melihat bahawa usaha kerajaan itu hanyalah untuk membantu mereka.